

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perincian peruntukan dan bajet yang akan diberikan khusus bagi tujuan pelaksanaan Akta Guaman Syarie 2019.

**JAWAPAN : (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Profesional Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 baru sahaja diluluskan oleh Parlimen pada sesi mesyuarat yang lepas.
2. Untuk pelaksanaan Akta Profesional Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 ini, Kerajaan tidak memperuntukkan bajet khusus. Hal ini kerana Kerajaan akan menggunakan bajet sedia ada yang telah diperuntukkan sebelum ini. Perincian dan pengkhususan tidak dibuat kepada Akta ini memandangkan bajet yang telah disediakan adalah termasuk dengan penggubalan dan pelaksanaan undang-undang lain.
3. Selain itu, peguam-peguam syarie turut mempunyai tanggungjawab dan perlu turut mengembangkan tenaga dan usaha seiring dengan kerajaan dalam memastikan pelaksanaan Akta ini. Sekian, terima kasih.